

Waspada penjajah baru: PM

B.M 23 JUL 1989

Oleh MASNI ROS PAKIR MOHAMAD

AYER KEROH: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengingatkan rakyat supaya berwaspada terhadap kemungkinan berlakunya penjajahan bentuk baru jika mereka tidak berhati-hati.

Beliau berkata walaupun negara ini sudah merdeka, tidak semestinya ia tidak boleh dijajah kerana penjajahan boleh berlaku dalam bentuk lain.

Justeru itu, katanya, rakyat harus berhati-hati dan berwaspada terhadap penjajahan bentuk itu dengan mempertingkatkan kemajuan negara supaya tidak ada kuasa asing menjajah semula negara ini.

"Kalau rakyat berjaga-jaga terhadap keselamatan dan pembangunan negara ini, sudah pasti kita tidak akan ditekankan oleh kuasa asing.

"Sejarah masa lampau tidak sepatutnya melahirkan perasaan marah rakyat kepada penjajah itu," katanya ketika melancarkan perayaan Melaka Bandaraya Bersejarah dan Karnival Melaka di Pusat Eksposisi di sini, semalam.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, sejarah tidak harus digunakan untuk menimbulkan kebencian kerana sebagai sebuah negara yang merdeka rakyat perlu berusaha mengekalkan kemerdekaan.

Katanya, permusuhan yang berlaku kira-kira 400 tahun dahulu tidak harus dikekalkan kerana ia akan hanya mencetuskan kemarahan dan kebencian.

Beliau berkata zaman Empayar Melaka sudah lama berlalu dan tidak munakim Melaka menjadi sebuah empayar lagi seperti yang pernah berlaku.

"Sekarang semua negeri dalam negara ini adalah bebas

dan sama tarafnya dalam Persekutuan Malaysia dan negeri-negeri ini tidak mungkin menjadi empayar lagi," katanya.

Perdana Menteri meminta rakyat mengambil iktibar daripada apa yang berlaku dalam sejarah dan berusaha memajukan negara.

"Sejarah yang sudah berlalu biarlah ia berlalu, tetapi yang penting rakyat negara ini berusaha memajukan negara dan mencapai kecemerlangan dalam pelbagai bidang.

"Kalau kita asyik bercerita mengenai kegemilangan Melaka pada zaman dahulu, sudah pasti negeri ini tidak akan maju seperti sekarang kerana sejarah dulu patut memberi semangat kepada kita untuk mencapai kejayaan," katanya.

Sementara itu, lebih 10,000 orang membanjiri pusat eksposisi untuk menyaksikan upacara pelancaran kedua-dua perayaan itu.

Ketibaan Datuk Seri Dr Mahathir dan isterinya diarak dengan lori berbentuk kapal Portugis 'Flor de la Mar' menuju ke pentas perasmian.

Turut serta dalam kapal itu ialah Ketua Menteri Datuk Seri Abdul Rahim Tamby Chik dan isterinya, Datin Seri Zabedah Abdullah.

Sebelum itu, Perdana Menteri menyambut ketibaan pulang peserta Becaton dan Sagaton yang menjelajah Semenanjung untuk memperkenalkan Melaka.